

Pernyataan Kepelbagaian Texas Instruments Seluruh Dunia

Keberkesanan kita dalam menggunakan insan yang berbakat daripada latar belakang, pengalaman dan perspektif yang berbeza merupakan kunci bagi daya saing kita.

Kepelbagaian terletak pada teras Nilai Texas Instruments

Menghargai kepelbagaian dalam tenaga kerja kita terletak pada teras Nilai Texas Instruments.

Kita menghendaki tahap prestasi dan integriti yang tertinggi daripada diri sendiri dan daripada satu sama lain. Kita berusaha untuk mewujudkan suasana yang menghargai seseorang itu sebagai individu dan ahli pasukan serta melayannya dengan rasa hormat, bermaruah dan adil. Kita berusaha untuk mengadakan peluang bagi pekerja Texas Instruments untuk membangun dan mencapai potensi kita sepenuhnya serta mencapai matlamat kita dari segi profesional dan peribadi.

Setiap pekerja Texas Instruments diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan rangkuman.

Persekitaran yang merangkum itu mengenal pasti keperluan perniagaan, menghormati setiap orang dan menghargai sumbangan daripada pekerja yang berlainan latar belakang, pengalaman dan perspektif. Kita semua mestilah berusaha ke arah memupuk persekitaran yang merangkum ini di seluruh Texas Instruments. Kita boleh menjayakannya dengan mengambil, membangunkan, mengekalkan dan menggalakkan pekerja daripada latar belakang, pengalaman dan perspektif yang berlainan. Pekerja Texas Instruments pada semua tahap mestilah berpeluang untuk menyertai perniagaan Texas Instruments bagi meluaskan kemampuan setiap pekerja dengan sepenuhnya. Untuk memelihara budaya yang merangkum ini, proses pengambilan, pembangunan, pengekalan dan penggalakan pekerja mestilah sesuai dengan tenaga kerja yang berbagai-bagai.

Tenaga kerja yang berbagai-bagai dalam sesebuah negara itu mungkin amat berbeza daripada yang di negara lain. Setiap wilayah dan perniagaan bertanggungjawab untuk memahami keperluan unik masing-masing dan mengatur strategi yang sesuai bagi mewujudkan suasana kerja yang merangkum. Selain itu, setiap seorang daripada kita mestilah terus menyuarakan keinginan kita untuk menjadi tenaga kerja yang pelbagai dan bertindak untuk menunjukkan bahawa kita benar-benar menghargai kepelbagaian.

Pekerja Texas Instruments yang mementingkan kemenangan, dan menunjukkan pencapaian individu serta sumbangan pasukan, dan mempunyai kemahuan untuk belajar akan mendapat peluang yang terbaik untuk berjaya dalam suasana seperti ini.